

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN :      BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA        :      YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM (PASIR GUDANG)**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [ PASIR GUDANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam mengatasi masalah puluhan ribu anak-anak Indonesia yang dilahirkan di Malaysia tidak mempunyai dokumen yang sah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa, setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia perlu didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Dalam hal ini, ibu bapa kepada anak-anak Indonesia atau mana-mana anak kepada warganegara asing yang dilahirkan di Malaysia adalah bertanggungjawab untuk mendaftarkan kelahiran anak-anak mereka dan permohonan pendaftaran kelahiran boleh dibuat di mana-mana pejabat JPN yang berhampiran di seluruh negara.

Dalam hal ini, Sijil Kelahiran hanya dikeluarkan kepada kanak-kanak berkenaan sebagai rekod bahawa kelahirannya telah berlaku di Persekutuan. Walau bagaimanapun, kelahiran di Malaysia tidak menyebabkan seseorang individu memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) hanya merekodkan status seseorang

## **SOALAN NO : 27**

individu sebagai warganegara atau bukan warganegara berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran berlaku.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) ingin menegaskan bahawa kegagalan ibu bapa atau penjaga ke Kedutaan negara berkenaan bagi melaksanakan tanggungjawab mereka untuk menguruskan dokumen pengenalan diri individu tersebut akan menyebabkan isu berbangkit seperti ketiadaan dokumen pengenalan diri dari negara asal yang akhirnya menyebabkan keberadaan yang tidak sah di negara ini.

Berhubung dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, KDN melalui JPN sentiasa prihatin dalam memastikan kelahiran setiap kanak-kanak di Malaysia didaftarkan dan telah mengambil langkah proaktif dalam memastikan pendaftaran Sijil Kelahiran kanak-kanak dapat dilaksanakan dengan mudah di 225 cawangan pejabat JPN di seluruh negara. Bagi memudahkan pendaftaran kelahiran kanak-kanak di kawasan pedalaman, JPN turut melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut:-

- a. Perkhidmatan menerusi Program Turun Padang (Program *Outreach*);
- b. Perkhidmatan melalui Unit *Mobile*; dan
- c. Perkhidmatan melalui Bas *Mobile*.